

## CABARAN AMIL DALAM MENDEPANI TEKNOLOGI KEWANGAN

### *Challenges of Amil In Facing Financial Technology*

**Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki<sup>1\*</sup>**  
**Jasni Sulong<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup> Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

\*Corresponding author (Email: [ustaz\\_min@yahoo.com.my](mailto:ustaz_min@yahoo.com.my))

Diterima: 18 Ogos 2020 , Diproses: 28 Ogos 2020, Diterbitkan: 30 September 2020

---

**Abstrak:** Berdasarkan ketetapan yang terdapat di dalam al-Qur'an, antara golongan yang layak untuk menerima agihan zakat adalah amil. Bertapa besar peranan amil telah disebutkan dalam surah At Taubah ayat ke 9 adalah antaranya sebagai pengutip harta zakat daripada mereka yang layak untuk mengeluarkan zakat. Oleh kerana amil merupakan ejen yang berperanan dalam menentukan sama ada kutipan yang bakal diperoleh meningkat atau sebaliknya, maka semestinya cabaran amil pada masa kini yang melibatkan internet kebendaan dalam kehidupan seharian juga adalah besar. Tanggungjawab yang digalas oleh amil terutamanya dalam operasi kutipan pastinya memerlukan mereka bersedia berhadapan dengan revolusi perkembangan teknologi pintar antaranya yang melibatkan teknologi kewangan. Namun, timbul persoalan adakah para amil di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah bersedia dengan arus perubahan revolusi ini. Berdasarkan permasalahan tersebut, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh LZNK dalam aspek kutipan zakat. Seterusnya, kajian ini turut mengenalpasti langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh pihak LZNK dalam memperkasa peranan amil agar dilihat menepati kehendak arus semasa. Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Data dikumpulkan melalui analisis dokumen dan temubual secara tidak berstruktur. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi oleh para amil ketika berhadapan dengan teknologi kewangan yang secara tidak langsung akan memberikan impak terhadap prestasi kutipan zakat.

**Kata kunci:** Amil, Zakat, Teknologi, Kewangan.

**Abstract:** Based on the rulings found in the Qur'an, among those who are eligible to receive zakat distribution is amil. The great role of amil has been mentioned in surah At Taubah verse 9 is among them as a collector of zakat property from those who are eligible to pay zakat. Since amil is an agent that plays a role in determining whether the collection to be obtained increases or vice versa, then of course the challenge of amil nowadays which involves the material internet in daily life is also huge. The responsibilities borne by amil especially in the collection operations certainly require them to be prepared to face the revolution of the development of smart technology among others involving financial technology. However, the question arises whether the amils in the Kedah State Zakat Board (LZNK) are ready for the current change of revolution. Based on these problems, this study

aims to identify what are the challenges faced by LZNK in terms of zakat collection. Furthermore, this study also identifies the steps that can be done by LZNK in strengthening the role of amil to be seen to meet the needs of the current. This study is a qualitative study. Data were collected through document analysis and interviews in an unstructured manner. The results of the study found that there are some challenges that need to be faced by amils when faced with financial technology that will indirectly have an impact on the performance of zakat collection.

**Keywords:** Amil, Zakat, Technology, Finance

---

## PENGENALAN

Zakat merupakan ibadah khusus yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada setiap muslim yang cukup syaratnya di sisi syarak (Shofian Ahmad dan Amir Husin Mohd Nor, 2002). Selaku mekanisme kewangan yang bersifat sosial, ibadah zakat merupakan satu daripada rukun Islam yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan menjadi kewajipan ke atas setiap Muslim yang *mukallaf* (Hairunnizam Wahid et. al, 2009). Justeru, pensyariatan zakat wajib dipatuhi dan dilaksanakan kepada para *muzakki* apabila telah cukup syarat-syaratnya. Perkataan zakat itu sendiri berasal daripada perkataan Arab, iaitu *zakaa* yang bermakna bersih dan suci (Hamizul, 2012). Ibn Manzur menyebut dalam kitabnya *Lisan al-Arab* bahawa asas zakat ialah bersih, tumbuh, dan berkat (Zulkifli Mohamad, 2010). Ibadah zakat mendidik masyarakat yang bekerjasama dan bertanggungjawab terhadap golongan masyarakat yang kurang bernasib baik serta menghapuskan perasaan mementingkan diri sendiri dan perasaan kikir dalam kalangan orang yang kaya (Maryam Abd Rashid, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad, 2018).

Selain itu, zakat juga menjadi mekanisme pengagihan harta dan keseimbangan sosial yang disyariatkan oleh Allah SWT yang berlandaskan falsafah dan maqasid. Allah SWT telah berfirman dalam al-Qur'an yang bermaksud;

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah SWT dan untuk orang-orang di dalam perjalanan (yang putus belanja). Ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai satu ketetapan yang datangnya dari Allah SWT dan ingatlah Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”

(Surah At Taubah, 9: 69)

Secara umumnya, ayat tersebut menyatakan dengan jelas terdapat lapan golongan manusia yang berhak menerima zakat. Mereka adalah *al-fuqara'* (orang fakir), *al-masakin* (orang yang miskin), amil, muallaf yang perlu dijinakkan hatinya, *al-riqab* (hamba), *al-gharimin* (orang yang memiliki hutang), *fisabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah) dan akhirnya *ibn sabil* (musafir yang sedang dalam perjalanan). Justeru, secara tidak langsung ayat ini menunjukkan dengan jelas tentang pengagihan zakat berbanding dengan masalah menentukan sumber zakat kerana ia bersifat arahan. Hal ini berkemungkinan kerana terdapat cabaran dalam agihan zakat seperti salah guna kuasa serta ketirisan dalam mengagihkan

zakat lebih besar berbanding menentukan sumber dan pungutan zakat. Oleh itu, pandangan ini jelas menunjukkan tugas menguruskan zakat yang dipikul oleh para amil di institusi zakat merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang besar yang perlu dijaga sebaik mungkin (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2003).

Bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus pengurusan zakat, struktur organisasi di peringkat dalaman terlebih dahulu perlu dibentuk dengan kemadan tersusun (Mosley et al., 2008). Berdasarkan elemen yang pertama iaitu sumber manusia, amil memainkan peranan yang sangat penting agar institusi zakat dilihat bergerak secara pro aktif seiring dengan perkembangan zaman. Seterusnya, agihan dana zakat juga mampu memberi impak dalam pembasmian kemiskinan masyarakat dan pembangunan ekonomi negara sekiranya aspek pengurusan zakat ditambah baik dari semasa ke semasa (Mannan, 2003).

Prestasi LZNK dapat menjalankan kutipan zakat mencatatkan peningkatan saban tahun. Hal ini terbukti apabila jumlah keseluruhan kutipan zakat direkodkan meningkat bagi tahun berakhir 2019 yang belum diaudit sehingga mencecah RM207.13 juta amatlah membanggakan. Ini kerana jumlah tersebut adalah peningkatan sebanyak hampir RM24 juta berbanding jumlah kutipan pada tahun 2018 (Mahmood Naim, 2020). Justeru, sesuai dengan perkembangan semasa yang melibatkan Internet Of Things (IOT) atau internet kebendaan dalam hampir semua aspek kehidupan seharian, institusi zakat termasuklah Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK ) merupakan satu badan yang terlibat dalam urus tadbir sistem pungutan serta agihan zakat di Negeri Kedah Darul Aman. Berdasarkan peruntukan dan bidang kuasa yang diberikan, LZNK sentiasa komited dalam usaha melakukan penambahbaikan dalam urus tadbir zakat di Negeri Kedah Darul Aman. Kini, menerusi revolusi perindustrian 4.0, teknologi yang semakin canggih sebenarnya memudahkan para muzaki (pembayar zakat) untuk menunaikan zakat, menguatkan aspek perundangan zakat dan memberikan akses yang lengkap dan jelas bagi mustahik (pembayar zakat) terhadap program-program agihan zakat, namun cabaran yang perlu digalas oleh amil zakat semakin mencabar (Efri S. Bahri, 2018).

Oleh yang demikian, bagi meningkatkan kualiti pengurusan dalam kalangan amil di LZNK, maka Jabatan Sumber Manusia melalui Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan Profesional (BPPP) telah mewujudkan pelbagai medium seperti latihan jangka pendek dan panjang terhadap para kakitangan LZNK bagi memastikan kebolehan para amil dipertingkatkan dari semasa ke semasa dalam menghadapi cabaran masa kini (Hartini Haliza & Nurul Izzah Mohd Zabidi, 2019). Justeru, kajian ini cuba untuk melihat apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh LZNK dan mengemukakan beberapa cadangan kepada BPPP dalam aspek pemantapan pengurusan terhadap para amil di LZNK. Hal ini penting agar para amil dan warga kerja LZNK benar-benar bersedia dalam mendepani cabaran revolusi perindustrian 4.0 yang berteraskan teknologi kewangan dalam pengurusan harian.

## **SEJARAH LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH (LZNK)**

Menurut lembaran catatan sejarah, tarikh sebenar peralihan pihak yang menguruskan dana zakat di Negeri Kedah Darul Aman adalah berdasarkan tarikh Notis Memberi Nasihat Ketentuan Yang Bersangkutan dengan perkara zakat adalah pada 19 Jamadil Akhir 1355 bersamaan dengan 5 September 1936. Tarikh ini merupakan tarikh yang sama dikeluarkan

oleh Pejabat Syeikhul Islam<sup>1</sup> melalui Majmaul Syeikhul Islam<sup>2</sup> yang dianggotai oleh Haji Ismail B Hj Mohd Saleh, Haji Yaakob Bin Hj Ahmad dan Haji Abdul Ghani B Hj Awang. Majmaul Syeikhul Islam ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1936 bagi menggantikan jawatan Syeikhul Islam yang bermula daripada tahun 1901 (Lembaga Zakat Negeri Kedah, 2018). Bagi hebahan berkaitan dengan hal ehwal zakat adalah antara perkara utama yang diberi tumpuan oleh Majmaul Syeikhul Islam (sebahagian rujukan menyebut Majma' Masyikhatil Islam) adalah perkara berkaitan dengan pengurusan zakat. Perhimpunan Riyal Zakat dan Sedekah Orang-orang Islam di Negeri Kedah juga mencatatkan tahun 1355 H bersamaan 1936 M sebagai tarikh mula sebaran zakat secara rasmi dibuat kepada rakyat Negeri Kedah. Walaupun dipercayai terdapat tarikh yang lebih awal, tetapi catatan rasmi berkaitan penubuhan sebuah komiti melalui undang-undang pentadbiran adalah bertarikh 1355H bersamaan 1936M. (Lembaga Zakat Negeri Kedah, 2018).

Seterusnya, pada tahun 1955 (sebelum kemerdekaan Tanah Melayu) terdapat aduan daripada masyarakat setempat kepada Syeikhul Islam Negeri Kedah Syeikh Wan Sulaiman Bin Wan Sidek (1874-1935) pada masa itu berhubung dengan pemberian zakat yang tidak sempurna serta tidak sampai kepada asnaf yang memerlukan. Oleh yang demikian, Syeikhul Islam telah mengemukakan masalah ini kepada Pemangku Raja pada ketika itu DYTM Tengku Mahmud Ibnu Sultan Ahmad Tajudin (1876-1973). Maka, ketika ditanya oleh Pemangku Raja bagaimana sepatutnya dijalankan kutipan zakat ini maka dijawab oleh Syeikhul Islam "hendaklah zakat ini kembali kepada tanggungjawab asal iaitu zakat ditunaikan kepada ulil amri dalam satu-satu tempat". Ianya telah dipersetujui oleh Pemangku Raja lalu menitahkan kepada orang ramai supaya menyerahkan zakat kepada amil-amil yang dilantik oleh ulil amri yang diiktiraf sahaja. (Lembaga Zakat Negeri Kedah, 2018).

Pada permulaan perintah ini dilaksanakan, zakat dikeluarkan secara tidak rasmi mengikut kehendak petani iaitu berapa bahagian daripada 8 asnaf itu hendak diberikan kepada amil. Kemudian sampai satu ketika diwujudkan satu undang-undang 4/8 daripada hasil zakat hendaklah diserahkan kepada amil yang dilantik manakala 4/8 lagi tepulang kepada pembayar untuk diberikan kepada orang-orang yang dipilih setempatnya. Justeru, pada tahun 1955 wujudlah undang-undang zakat (enakmen Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman) iaitu zakat padi hendaklah dibayar 100% atau 8/8 kepada amil yang dilantik, jadi berjalanlah kutipan zakat ini begitu lama iaitu hanya zakat padi. (Lembaga Zakat Negeri Kedah, 2018).

Pada tahun 1984 hingga 1997, pihak ulil amri<sup>3</sup> iaitu KDYMM Sultan Negeri Kedah Darul Aman<sup>4</sup> telah melantik Dato' Syeikh Mahmood Naim sebagai Setiausaha Jawatankuasa

---

<sup>1</sup> Di Negeri Kedah Darul Aman, Yang Dipertua Majlis Agama Islam di awal penubuhannya dipilih dari kalangan alim ulama seperti Syeikhul Islam atau Kadi Besar (MAIK).

<sup>2</sup> Badan yang ditubuhkan secara tidak rasmi ini disokong dengan jawatan Mufti dan Kadi yang telah diwujudkan lebih awal daripada kewujudan Majlis Agama Islam atau Jabatan Agama Islam. Pada peringkat ini, mereka inilah yang pada prinsipnya menjadi "Majlis Agama Islam" bagi NegeriNegeri di Tanah Melayu (Zaini Nasohah, 2000).

<sup>3</sup> Institusi sultan/raja merupakan institusi yang tidak berada atas politik kepartian. Oleh itu, perjalanan Majlis Agama Islam juga perlu mencerminkan kedudukan Sultan yang menjadi pelindung kepada umat Islam dalam sesebuah negeri dan mereka haruslah bertindak sebagai penasihat kepada ulul amri (Mahamad Naser Disa, 2011).

Zakat Negeri Kedah. Beliau kemudiannya telah meluaskan pembayaran zakat harta ini kepada semua bidang harta yang wajib zakat, iaitu mulanya zakat padi telah berpindah kepada zakat harta (zakat pendapatan) yang lain termasuk dalam hasil usaha yang halal yang diusahakan oleh satu-satu individu. Sejak daripada itu, prestasi kutipan zakat terus menunjukkan peningkatan pada setiap tahun. (Lembaga Zakat Negeri Kedah, 2018).

Bermula tahun 2015, usaha untuk terus mengukuhkan institusi zakat Kedah melalui penambahbaikan undang-undang zakat dilakukan secara progresif oleh Jawatankuasa Zakat Kedah. Ini penting untuk memastikan satu undang-undang lengkap yang bukan sahaja merangkumi zakat padi, malah zakat harta yang lain turut diwujudkan. Usaha berterusan ini akhirnya membuahkan hasil apabila enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (LZNK) diperkenalkan menggantikan enakmen Zakat Negeri Kedah Darul Aman (JZNK) yang telah diterbitkan pada tahun 1955 (Lembaga Zakat Negeri Kedah, 2018).

## KAJIAN LEPAS

Terdapat pelbagai masalah pengurusan zakat yang dipersoalalkan secara terbuka oleh masyarakat. Kajian oleh Ahmad Hidayat dan Saidatul (2014) mendapati bahawa wujud rungutan terhadap institusi zakat dalam pelaksanaan kutipan dan agihan zakat yang mengakibatkan keyakinan masyarakat kepada MAIN dan institusi zakat terjejas seterusnya menyebabkan mereka enggan membayar zakat. Kecekapan tadbir urus institusi zakat berperanan untuk menarik minat dan meningkatkan keyakinan masyarakat Islam untuk membayar zakat. Sekiranya ini berlaku, maka secara tidak langsung akan meningkatkan jumlah kutipan zakat di institusi zakat (Md Hairi, Kamil & Ram 2012).

Justeru, beberapa kajian telah dilakukan oleh ahli-ahli akademik di negara ini berkaitan cabaran amil dalam pengurusan zakat. Antaranya kajian oleh Shahir dan Adibah (2010) yang mendapati bahawa peranan amil sangat besar dalam meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat. Sekiranya tadbir urus zakat dilakukan dengan baik, maka kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat akan bertambah.

Kepercayaan pembayar zakat terhadap institusi zakat juga memainkan peranan yang penting dalam usaha memastikan kutipan zakat meningkat setiap tahun. Kajian yang dijalankan oleh Hairunnizam, Sanep dan Radiah (2009) menunjukkan bahawa majoriti responden tidak membayar zakat berkemungkinan kerana tidak berpuas hati dengan pengagihan zakat oleh institusi zakat. Terdapat pembuktian bahawa perasaan puas hati terhadap pengurusan pusat zakat berkait secara positif terhadap pembayaran zakat kepada institusi formal. Ini bermakna, semakin masyarakat berpuas hati terhadap pengurusan pusat zakat, semakin tinggi darjah kepatuhan mereka bagi membayar zakat kepada institusi zakat (Sanep & Hairunnizam, 2005).

Justeru, kajian Ram et. al (2010) telah mencadangkan kepada institusi zakat supaya membina penerimaan positif masyarakat dengan meningkatkan ketelusan dan pendedahan secara menyeluruh mengenai segala urusan berkaitan zakat yang sedang, telah atau akan dilaksanakan. Menurutnya lagi, cara ini mampu mengurangkan rasa bimbang dan was-was

---

<sup>4</sup> Lihat prinsip dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-negeri, kedudukan Majlis Agama Islam sebagai pihak Berkuasa Agama Islam yang bertanggungjawab secara langsung kepada Raja/Sultan/Yang di-Pertuan Agong dalam semua perkara yang berkaitan dengan agama Islam turut dijelaskan dalam semua Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri.

terhadap institusi zakat. Sehubungan itu, penilaian secara terbuka wajar dilakukan oleh institusi zakat bagi memastikan pengurusan zakat dengan lebih teratur dan berkesan.

Selanjutnya, kebolehan amil juga merupakan indikator penting dalam pengurusan zakat yang mantap dan sistematik. Oleh itu, pengurusan lembaga zakat perlu diuruskan oleh mereka yang dipercayai, berkelayakan dan mempunyai kemahiran untuk mengurus dana zakat (Imtiaz, 2000). Pendapat ini juga disokong oleh Hairunnizam, Sanep & Radiah (2009) yang mengatakan bahawa terdapat pentadbiran zakat diuruskan oleh mereka yang berlatarbelakangkan Pengajian Islam seperti jurusan Syariah, tetapi kurang profesional terhadap tugas yang diamanahkan.

Kajian yang dijalankan oleh Nor Azmi (2002) mendapati bahawa antara punca kurangnya kepatuhan usahawan untuk melaksanakan pembayaran zakat di institusi formal adalah disebabkan kurangnya keyakinan mereka terhadap institusi tersebut. Kepuasan hati terhadap institusi zakat merupakan antara penyebab utama seseorang melaksanakan tuntutan ibadah zakat melalui institusi formal yang diiktiraf pemerintah (Hasan et al, 2005).

Oleh itu, cabaran sebegini jika tidak diatasi dengan baik akan menyebabkan kutipan dan pengagihan zakat tidak diuruskan dengan efisien dan bersistematik. Ini juga merupakan cabaran besar yang perlu dihadapi oleh pengurusan institusi zakat. Bagi memastikan kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat semakin kuat, maka pihak pengurusan haruslah lebih komited terhadap isu menambah baik serta meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan mereka seperti agihan yang pantas dan sistematik serta tersusun (Azimatun, Salmiah & Ahamad, 2012).

Sejajar dengan perkembangan ledakan teknologi semasa, seharusnya pengurusan zakat juga lebih bersikap pro aktif dalam memajukan pengurusan zakat. Antaranya dengan melalui kaedah e-zakat atau pembayaran dan agihan zakat melalui atas talian. Kajian yang dilakukan oleh Shawal Kaslam (2009) telah membuktikan bahawa kemajuan e-zakat dapat meningkatkan tadbir urus institusi zakat di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa melalui sistem tersebut telah meningkatkan prestasi, ketelusan dan tanggungjawab institusi zakat. Selain itu juga, pelaksanaan e-zakat telah memberi kesan yang signifikan terhadap operasi institusi zakat dan perkhidmatan agihan zakat yang cekap dan bersistematik sesuai dengan peredaran zaman. Secara tidak langsung, kepelbagaian kaedah pembayaran zakat atas talian ini bukan sahaja memudahkan para muzakki bagi melaksanakan ibadah zakat, malah peningkatan yang besar dalam kutipan zakat ini akan memberikan implikasi yang optimum dalam sosio ekonomi ummah sejagat (Patmawati Ibrahim, 2006).

Oleh itu, mengenalpasti cabaran dan risiko pengurusan zakat juga adalah perkara yang perlu diutamakan oleh institusi zakat. Kajian mengenai pembedaan amil koprak yang bukan sahaja berupaya mengutip zakat daripada mereka yang layak, malah dapat melakukan pelbagai tugas dalam organisasi yang besar secara kemas dan teratur. Oleh itu, apabila cabaran-cabaran dan risiko yang telah dikenalpasti wujud sewaktu menjalankan tugas sebagai amil, mereka berupaya menghadapinya secara profesional (Hasan Bahrom & Ezani Yaakub, 2006).

## **PENDEFINISIAN AMIL MENURUT FUQAHA DAN LZNK**

Dalam al-Qur'an, amil diiktiraf sebagai mereka yang bertanggungjawab sebagai pengutip hasil zakat. Perkataan amil diambil secara langsung daripada perkataan Bahasa Arab yang

bererti pekerja (Ibrahim Mustafa et.al, 1985). Malah, menurut tatabahasa Arab, amil berasal daripada perkataan ‘*amala* yang bererti kerja, maka amil merupakan kata pembuat. Justeru, ia membawa makna orang yang bekerja dalam bidang pekerjaannya atau perusahaannya. Secara khususnya, ia diertikan sebagai orang yang mengambil zakat daripada pemilik harta atau pemeliharanya (Ibrahim Mustafa et.al 1985).

Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah At Taubah (9, 103) ( *خذ من اموالهم* ) *خذ من اموالهم صدقة...الخ* jelas menunjukkan tugas utama yang perlu dipikul oleh amil ialah mengambil zakat dari pemilik-pemilik harta yang layak dikeluarkan zakat. Ini menunjukkan perlunya segolongan manusia di kalangan umat Islam yang diberi kuasa secara khas untuk mengambil zakat daripada harta-harta milik umat Islam yang cukup nisab samada secara sukarela mahupun secara paksaan (al-Qaradawi, 1999;57). Perkara ini berdasarkan hadith yang meriwayatkan tugas dan tanggungjawab amil, antaranya sebagai pemungut zakat dari orang kaya untuk diserahkan kepada orang miskin sebagaimana termaktub ketika pengutusan Mu’adh bin Jabal ke Yaman. Ibnu Abbas meriwayatkan; berkata Nabi SAW ketika mengutus Mu’adh bin Jabal ke Yaman, Baginda berkata;

“...Engkau akan bertemu dengan Ahli Kitab, pergi dan serulah mereka untuk bersaksi tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu Pesuruh Allah dan sekiranya mereka patuh kepadamu, Beritahulah kepada mereka sesungguhnya Allah telah mewajibkan mereka lima solat waktu sehari semalam dan sekiranya mereka mematuhiimu, beritahulah mereka, sesungguhnya Allah telah mewajibkan mereka ke atas harta mereka itu sedekah (zakat), diambil daripada orang-orang kaya di kalangan mereka untuk diserahkan kepada orang-orang miskin di kalangan mereka, Sekiranya mereka mentaatimu seperti itu, maka bagi kamu kemuliaan harta mereka, Takutlah doa orang yang dizalimi, Sesungguhnya tiada antara mereka dan Allah itu hijab (penghadang/penghalang)...”

(Riwayat Bukhari dan Muslim, No. hadith 1496)

Justeru, kebanyakan fuqaha silam seperti al-Bahuti, al-Nawawi dan Ibn Qudamah menyenaraikan dengan terperinci tugas dan kerja seperti seperti pemungut (*sa’ie*), penulis atau pencatat (*katib*), pengagihan (*qasim*), pengumpul (*hashir*), mengenalpasti penerima zakat (*’arif*), mengira kutipan (*hasib*), memelihara harta zakat (*hafiz*) berdasarkan kepada apa diamalkan oleh generasi sebelumnya (Al-Bahuti, 1982; Al-Nawawi, 1995; Ibn Qudamah, 2004).

Menurut Lembaga Zakat Negeri Kedah (2018) amil diertikan sebagai mereka yang beragama Islam dan dilantik oleh LZNK bagi menjalankan tugas memungut dan mengagihkan zakat atau zakat fitrah bagi pihak LZNK di bawah Seksyen 19 (1) (i) serta termaktub dalam Enakmen 23 Bahagian IV No. 26 yang menyatakan;

“...Lembaga boleh dari semasa ke semasa melantik dan mengambil khidmat apa-apa bilangan pekerja yang difikirkan wajar dan perlu oleh Lembaga atas apa-apa terma yang didapatinya sesuai untuk emmbantunya menjalankan fungsinya...”

(Enakmen 23, Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman 2015:25)

Justeru, amil merupakan golongan yang menguruskan dua tanggungjawab asas iaitu mengutip zakat dari mereka yang layak berzakat dan mengagihkan kepada asnaf yang lapan (al-Qaradawi, 1999: 546-547).

### **CABARAN AMIL DALAM TEKNOLOGI KEWANGAN PADA MASA KINI**

Pengaplikasian internet secara meluas merupakan teras kepada Revolusi Industri 4.0 (Ghazali Zainuddin & Siti Rosilawati Ramlan, 2018). Penekanan yang pesat terhadap pembinaan teknologi realiti maya tanpa banyak menggunakan tenaga manusia pastinya memberikan kesan terhadap pelbagai aspek. Revolusi ini adalah sesuatu yang amat berlainan sekali dengan jangkaan dan imaginasi kita sebelum ini. Ini kerana penduduk dunia akan hidup, berkomunikasi, bekerja, berniaga dalam suasana yang berbeza termasuklah dari segi struktur pentadbiran dan pergerakan manusia. Satu pertiga dari penduduk dunia menggunakan media sosial dalam pelbagai perkara termasuklah dalam perkara yang berkaitan ibadah khusus seperti zakat. (Faisal Mustaffa, 2019, Naim Mazlan, 2019; i-Zakat LZNK, 2019;4). Oleh yang demikian, pastinya cabaran-cabaran baharu kepada amil wujud berdasarkan perubahan semasa seiring dengan perkembangan teknologi seperti berikut;

#### **(i) Sebaran Meluas Kepada Media Sosial Dan Pengiklanan Digital**

Oleh kerana penggunaan internet yang meluas terutamanya sosial media (sosmed) dalam kalangan generasi muda dan masyarakat, maka seharusnya amil juga perlu mahir dan kreatif dengan perkembangan budaya semasa ini. Bagi mendapatkan perkhidmatan yang berkualiti, inovasi pada setiap aspek dalam perkhidmatan amatlah diperlukan. (Muhammad Fakhrudin Ishak, 2010) Ini bermaksud, setiap idea baharu yang diperkenalkan haruslah mengikut peredaran semasa tanpa membelakangkan sesuatu matlamat asal perkhidmatan. Pelbagai bentuk inovasi dapat dijalankan dengan pengenalan teknologi baru, perubahan prosedur yang boleh jimatkan tenaga, masa dan kos, dan dengan itu meningkatkan penghasilan sesuatu kerja dengan lebih pro aktif (Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam, 1991).

Pengaplikasian media sosial dalam pengurusan zakat secara tidak langsung berupaya mengurangkan kos pengurusan misalnya pengiklanan digital serta sebaran berkaitan pungutan dan agihan zakat misalnya di jaringan-jaringan terkemuka seperti facebook, twitter, Instagram dan pelbagai lagi sosial media yang sering digunakan oleh masyarakat. Oleh itu, penjimatan dapat dilakukan oleh institusi zakat kerana penyebaran secara meluas mengenai pengurusan zakat tidak melibatkan kos yang tinggi. Berbanding dengan pengiklanan secara biasa di akhbar atau siaran televisyen dan radio yang melibatkan kos yang besar (Zainal Fikri & Asmadi, 2011).

Seiring dengan perkembangan digital tersebut, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) juga bertindak secara proaktif dalam mendepani pengaruh media sosial dan revolusi digital ini. Warga kerja di LZNK diberikan pelbagai kursus dan bengkel seperti pengurusan media sosial dalam kalangan kakitangan serta memperkenalkan beberapa rangkaian digital seperti saluran Zakat Kedah TV menerusi laman sesawang *youtube* pada pautan <https://www.youtube.com/zakatkedah>, paparan aktiviti di *facebook* <https://www.facebook.com/zakatkedah> dan Instagram <https://instagram.com/zakatkedah> dan hebahan aktiviti LZNK menerusi *whatsapp* serta menerusi website <http://www.zakatkedah.com.my>. Selain itu juga, LZNK menganjurkan buat kali pertama



Kedah International Zakat Conference (KEIZAC 2019) yang dianjurkan hasil kolaborasi bersama Institut Penyelidikan & Inovasi Zakat (UUM), Pusat Kajian Fiqh Zakat (UniSHAMS) dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (UiTM Kedah) pada 5 Ogos 2019 bagi mendapatkan pelbagai pandangan pakar dan hasil kajian dalam pelbagai kertas kerja di peringkat antarabangsa (Faisal Mustaffa, 2019, Naim Mazlan, 2019; i-Zakat LZNK, 2019;4). Oleh itu, setiap amil haruslah berkemahiran dalam mengakses dan memanfaatkan media sosial dengan aktif dan berkesan agar manfaat positif dan ideal dapat diperoleh oleh institusi zakat.

### **(ii) Pengetahuan mendalam terhadap isu berkaitan teknologi kewangan (Fintech)**

Dengan kepesatan teknologi maklumat pada masa kini, bidang kewangan khususnya perbankan atas talian juga tidak terkecuali menerima tempias daripada revolusi ini. Kini, masyarakat tidak lagi membawa wang kertas yang banyak bagi urusan pelbagai transaksi namun hanya menggunakan e-payment sama ada melalui kad kredit, kad debit, pelbagai medium aplikasi bayaran e-pay dan perbankan atas talian. ( i-Zakat LZNK, 2019;4).

Institusi zakat juga tidak terkecuali menerima manfaat hasil kecanggihan medium pembayaran atas talian ini. Buktinya, berlaku peningkatan mendadak lonjakan kutipan zakat setelah pengaplikasian secara atas talian dijalankan oleh beberapa institusi zakat di negara ini. Misalnya, kutipan di Lembaga Zakat Selangor yang meningkat dari RM13,861.337 pada tahun 1994 mencecah kepada RM244,409,627 pada tahun 2008. Begitu juga peningkatan kutipan zakat di Negeri Sembilan daripada RM13,230,123.80 pada tahun 2001, iaitu tahun pertama diperkenalkan laman web institusi tersebut kepada RM37,409,710 pada tahun 2008 (Zainal Fikri & Ismadi, 2011). LZNK juga tidak terkecuali menerima impak positif daripada usaha sebegini iaitu berlaku peningkatan dalam jumlah kutipan daripada RM 80, 781, 954.00 pada tahun 2010 kepada RM 183, 556, 992.63 pada tahun 2018 (i-Zakat LZNK, 2019;3).

Oleh kerana itu, Ahmad Shukri Yusoff (2019) telah menyarankan agar institusi zakat memainkan peranan dalam penghasilan peningkatan kutipan zakat melalui teknologi kewangan seperti blok chain dan sebagainya. Ini kerana, institusi zakat juga perlu kehadiran agar tidak ketinggalan dalam penjana ekonomi yang secara tidak langsung akan membawa manfaat kepada umat Islam khususnya para asnaf yang memperoleh bantuan hasil penjana dana zakat tersebut.

Justeru, dalam menacapai matlamat kutipan sebanyak RM 225 juta pada tahun 2019 daripada RM 182 juta pada tahun 2018 yang lalu, pihak LZNK harus berusaha keras dan proaktif dalam memperkasa kutipan zakat dengan memanfaatkan teknologi kewangan selagi mana ia tidak melanggar batasan syarak (Abdul Hadi Abdul Majid, 2019). Maka, kepakaran dalam bidang ICT, perkaunan, ekonomi, perbankan internet serta kewangan Islam haruslah dimiliki oleh para pegawai di institusi zakat agar kepakaran mereka dapat dimanfaatkan bagi memperoleh matlamat kutipan zakat yang ditetapkan.

### **(iii) Menghadapi gejala tular dalam kalangan masyarakat**

Walaupun teras kepada Revolusi Industri 4.0 iaitu pengaplikasian internet tanpa sempadan mendatangkan pelbagai kesan positif, tidak dinafikan terdapat juga kesan negatif yang harus diambil perhatian oleh institusi zakat seperti penularan berita tidak benar. Perkara ini telah mencalar reputasi LZNK sebagai institusi yang bertauliah daripada pihak pemerintah bagi

menjalankan kutipan dan agihan di Negeri Kedah Darul Aman (Faisal Mustaffa, 2019, Naim Mazlan, 2019).

Oleh sebab itu, LZNK bertindak aktif dengan melakukan pelbagai program penerangan seperti Taklimat Seruan Berzakat di seluruh premis dan organisasi yang terletak di dalam 12 daerah Negeri Kedah secara percuma (i-Zakat LZNK, 2019;4). Selain itu, dianjurkan juga pelbagai medium seperti kaunter bergerak dan pameran serta penganjuran forum indah berzakat di masjid dan surau terpilih di masjid dan surau sekitar negeri Kedah. Antara matlamatnya adalah bagi memberikan penerangan yang jelas mengenai isu-isu semasa zakat dan menjawab persoalan semasa daripada masyarakat khususnya tohmahan dan isu-isu negatif yang sering tular di media sosial yang melibatkan LZNK. Selain itu juga, masyarakat boleh merujuk sekiranya terdapat persoalan mengenai isu-isu semasa zakat di talian khidmat pelanggan atau menerusi lama sesawang LZNK (Faisal Mustaffa, 2019, Naim Mazlan, 2019; i-Zakat LZNK, 2019;4).

Isu utama kebanyakan negeri di Malaysia berkaitan birokrasi menimbulkan masalah kepada asnaf yang ingin mendapatkan bantuan zakat masih lagi diperkatakan oleh segelintir masyarakat. Selain itu juga, isu penyelewengan dana zakat masih lagi membelenggu institusi zakat sehingga ianya menjadi antara topik yang sinonim dalam kalangan masyarakat (Muhammad Syukri, 2002; Muhamad Zaini, 2011). Justeru, diharapkan dengan adanya program-program berbentuk penerangan kepada masyarakat mengenai isu semasa tentang zakat, dapat menimbulkan keyakinan dan kepercayaan mereka terhadap institusi zakat.

Berdasarkan Rajah 1, cabaran yang perlu ditempuhi oleh amil dalam mendepani revolusi perindustrian 4.0 adalah mengetahui pengetahuan yang mendalam terhadap media social dan pengiklanan digital. Seterusnya, amil juga khususnya yang diletakkan di posisi kritikal seperti akaun dan kutipan haruslah berpengetahuan luas dan teknologi kewangan berasaskan dalam talian. Akhir sekali, amil juga hendaklah peka dan dapat menangkis serangan terhadap institusi zakat melalui sebaran berita negatif terutamanya mengenai agihan zakat yang tular di media sosial.

## **CADANGAN DAN KESIMPULAN**

Setelah meneliti beberapa cabaran yang akan ditempuhi oleh para amil khususnya warga kerja di Lembaga Zakat Negeri Kedah dalam menghadapi revolusi perindustrian 4.0 yang semakin mencabar, maka beberapa cadangan telah dikenalpasti;

(i) Meningkatkan penguasaan ilmu amil dengan mengadakan kursus, bengkel dan seminar dalam bentuk Latihan dan Perkhidmatan (LADAP) kepada semua pegawai dan staf mengenai persediaan bagi menghadapi cabaran institusi zakat di era revolusi perindustrian 4.0.

(ii) Mendapatkan khidmat dalam kalangan mereka yang berkelulusan dan berkepakaran dalam dunia digital serta ICT khususnya para warga kerja yang baharu, bukan hanya tertakluk kepada lulusan agama semata-mata

(iii) Memperkasa dan menambah baik produk-produk serta skim terutamanya yang melibatkan teknologi kewangan agar ianya sesuai dengan peredaran zaman serta mengikut

garis panduan yang telah ditetapkan oleh syarak seperti tiada unsur terembunyi dan urusniaga secara riba.

(iv) Menyebarluaskan peranan Teknologi Kewangan dalam pengurusan zakat khususnya pengurusan data yang berkesan dan sistem jaringan internet yang berkeupayaan tinggi di premis-premis zakat.

Bagi menjayakan misi & visi LZNK untuk menjadi institusi zakat yang terkehadapan dalam agenda kutipan dan agihan zakat, pelbagai cabaran dalam menguruskan institusi zakat akan dapat dihadapi dan ditempuhi secara berperingkat. Bukan sekadar meningkatkan aspek rohani masyarakat sahaja khususnya para asnaf, sebaliknya akan meningkatkan tahap sosio-ekonomi ummah agar lebih ramai yang akan bergelar sebagai pembayar zakat. Justeru, keberkesanannya adalah bergantung kepada kerjasama dan tindakan bersepadu semua pihak yang terbabit, iaitu pihak institusi zakat, pihak kerajaan, para pemain industri dan asnaf zakat sendiri.

## RUJUKAN

- Abdul Hadi Abdul Majid, (2019) LZNK sasar kutipan zakat meningkat kepada RM225 juta pada 2019. Dikases daripada <https://www.utusan.com.my/berita/wilayah/kedah/lzkn-sasar-kutipan-zakat-meningkat-kepada-rm225-juta-pada-2019-1.832900>
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Asha'ath al-Sijistaniyy. 1995. Sunan Abu Dawud, Beirut: Dar al-Kutub al-"Ilrniyyah.
- Ahmad Hidayat & Saidatul. 2014. Pentadbiran zakat dan kesedaran masyarakat Islam membayar zakat di daerah Kota Belud Sabah. *Sains Humanika* 2(1): 125-134.
- Ahmad Shahir M. & Adibah A.W. 2010. Pengurusan Zakat di Negeri Selangor: Isu Dan Cabaran. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM, 1-32.
- Ahmad Shukri Yusoff (2019) Pemerkasakan Kutipan dan Agihan Zakat Melalui Fintech. Muzakarah Zakat Kebangsaan 2019. Nilai, Negeri Sembilan.
- al-Bahutiyy, Mansur bin Yunus bin Idris. 1982. Kashshaf al-Qinac An Matn al- Iqnac. Beirut: Dar al-Fikr.
- Azimaton, Salmiah & Ahamad (2012). Kajian Keratan Rentas Perbandingan Kepuasan Pelanggan Di Antara Klinik-Klinik Kesihatan Primer Luar Bandar Dan Bandar Di Daerah Hulu Langat Dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi. *Malaysian Journal of Public Health Medicine* 12(2): 52-67.
- Efri S. Bahri, (2018). Zakat di Era Revolusi Industri 4.0. Diakses daripada <https://sharianews.com/posts/zakat-di-era-revolusi-industri-40>.
- Ghazali Zainuddin dan Siti Rosilawati bt Ramlan (2018) E-Journal Al-Mimbar : Ke Arah Melestarikan Masjid Sebagai Pusat Pengembangan Ilmu Dalam Revolusi Industri 4.0. E-Book Of Masjid, Zakat And Waqf Management 2018 (IMAF 2018) Bangi, Selangor.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader (2009). Cadangan Penyetempatan Pengagihan Zakat. *Jurnal Syariah*. 17 (1): 89-112
- Hamizul Abdul Hamid (2012). *Eksklusif Zakat*, Petaling Jaya : Galeri ilmu Sdn Bhd.
- Hasan Bahrom & Ezani Yaakub (2006), *Pengurusan Zakat Semasa*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, h. 46-47.
- I.A. Imtiaz (2000), 'Introduction', dalam I.A. Imtiaz et al. (eds.), *Management of Zakah in Modern Muslim Society*, Jeddah: IRTI/IDB, hh. 11-28.
- Ibnu Qudamah, Abdullah bin Qudamah al-Maqdisiyy. 2004. alMughniyy. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibrahim Mustafa et.al. 1985. *Muyarn al- Wasit*. Istanbul: Maktabah Islamiyyah. i-Zakat Lembaga Negeri Kedah, Edisi ke-2 (2019) Lembaga Zakat Kedah
- Lembaga Zakat Negeri Kedah (2018) diakses daripada <https://www.zakatkedah.com.my/profil-lzkn/>.
- Mahamad Naser Disa. (2011). Kedaulatan Majlis Agama Islam Negeri Sebagai Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri di Bawah Naungan Raja-Raja Melayu. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Mahmood Naim (2020) Jumlah Kutipan Zakat 2019 Meningkatkan Berbanding Kutipan 2018 di Kedah. Diakses daripada <https://www.zakatkedah.com.my/jumlah-kutipan-zakat-2019-meningkat-berbanding-2018-di-kedah/>.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2003), *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mannan, M.A. 1986. *Islamic Economics: Theory and Practice*. Cambridge: Hodder and Stroughton.
- Maryam Abd Rashid, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad (2018). Analisis faktor penentu kualiti pengurusan zakat: Kajian terhadap Lembaga Zakat Selangor (LZS) di Sepang. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. 11 (2018): 27-44

- Md Hairi Md Hussain, Kamil Md Idris & Ram Al Jaffri Saad. 2012. Ketelusan di dalam tadbir urus zakat. dalam Prosiding Seminar Isu-Isu Kontemporari Zakat di Malaysia. Sintok: Universiti Utara Malaysia
- Muhammad Fakhruddin Ishak (2010) *Kesan teknologi moden terhadap perubahan hukum : analisis terhadap penggunaan short message service (SMS)* . Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Mohamad Zaini Abu Bakar. (2011). Prinsip-prinsip tadbir urus dalam transformasi institusi zakat. Dlm. Muhammad Syukri Sallah, Mohamad Salleh Abdullah & Zahri Hamat, (pnyt). Transformasi zakat daripada zakat sara diri kepada zakat produktif, hlm. 285-289. Pulau Pinang: Pusat urus zakat Pulau Pinang (PUZPP) & Pusat kajian pengurusan pembangunan islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia
- Mosley, D. C., Pietri, P. H., & Jr, D. C. M. (2008). *Supervisory Managemet (Edisi Ke-7)*. Mason: Thomson South-Western.
- Patmawati Ibrahim (2006), “Economic Role of Zakat in Reducing Income Inequality and Poverty in Selangor”, PhD Thesis, Faculty of Economics and Management, Universiti Putra Malaysia (unpublished).
- Ram Al Jaffri Saad et. al. (2010). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan, *Jurnal Pengurusan* 30 : 49-61.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid (2005). Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 39 : 53-69.
- Shawal Kaslam (2009). *The Advancement of e-Zakat for Delivering Better Quality Service and Enhancing Governance Sphere of Zakat Institution in Malaysia*, Kertas kerja dibentangkan dalam World Zakat Forum di Universiti Gajah Mada Yogyakarta, Indonesia, 27 – 30 Mei 2009.
- Shofian Ahmad dan Amir Husin Mohd Nor. (2002) . *Zakat Membangun Ummah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zainal Fikri Zamzuri & Ismadi Baharuddin. (2011). ICT dalam zakat dlm. Hasan Bahrom, Abd Halim Mohd Noor & Rawi Nordin, (editor). *Fiqh zakat Malaysia*, hlm. 305-317. Shah Alam: Pusat penerbitan Universiti MARA (UPENA).
- Zaini Nasohah, (2000), Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia: Perkembangan serta Bidang Kuasa Menurut Peruntukan Akta dan Enakmendalam *Jurnal UndangUndang IKIM* Vol. 6 No. 1 Januari-Jun 2000, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur, hlm. 71-72.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2010). *Ahkam Wa Fatawa al-Zakah, Pelbagai Hukum dan Fatwa Zakat*. Bandar Baru Bangi: Darul Syakir Enterprise

### **Temu Bual**

- Temu bual Bersama Tuan Faisal Mustaffa, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Negeri Kedah dan Tuan Mohd Norhaizat Naim Mohd Mazlan, Ketua Jabatan Pendidikan dan Inovasi di Menara Zakat, Alor Setar pada hari Ahad 26 Mei 2019 jam 10 pagi.
- Temu bual Bersama Cik Hartini bt Haliza, Ketua Jabatan Sumber Manusia LZNK dan Puan Nurul Izzah bt Mohd Zabidi, Ketua Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan Profesional di Menara Zakat, Alor Setar pada hari Ahad 26 Mei 2019 jam 11 pagi.